

26 JAN 1998

Colombia-sokong

COLOMBIA SOKONG MALAYSIA DAPATKAN KERUSI MAJLIS KESELAMATAN PBB

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Colombia akan menyokong usaha Malaysia untuk mendapatkan kerusi bukan anggota tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) bagi tempoh 1999-2001, kata Menteri Luar negara itu Dr Maria Emma Mejia Velez, di sini hari ini.

"Kami yakin Malaysia boleh memainkan peranan penting sebagai anggota bukan tetap Majlis Keselamatan PBB," kata beliau dalam sidang berita setelah perbincangan beliau dengan rakan sejawatnya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di sini.

Beliau mengharapkan Malaysia akan terus memberi sokongan terhadap hasrat negaranya untuk menjadi anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), selepas penamatan 18 tahun penangguhan keanggotaan, bagi pertubuhan itu tahun ini.

Kemasukan tiga anggota baru ke dalam Apec, iaitu Russia, Vietnam dan Peru akan dilakukan pada sidang kemuncak keenam pertubuhan itu di sini November ini.

Kedua-dua Menteri Luar itu telah bertukar-tukar pendapat berkaitan Pergerakan Berkecuali (NAM), terutamanya reformasi PBB bagi Majlis Keselamatan. Colombia pada masa ini menjadi Presiden pergerakan NAM.

Dr Mejia, yang juga mewakili pengerusi NAM Colombia, menjelaskan NAM berpendapat negara-negara membangun mesti diwakili dalam Majlis Keselamatan, jika ia mahu dikembangkan.

Berkaitan dengan hubungan Colombia-Malaysia, beliau berkata negaranya akan terus mengembangkan hubungan dagang dua hala, yang pada masa ini dianggarkan berjumlah AS\$39 (RM168) juta setahun.

Eksport Colombian ke Malaysia termasuk racun kulat (fungicide), keluli dan jentera, manakala eksport Malaysia ke negara itu ialah alat-alat komputer, minyak sawit dan barangan berasaskan getah.

Beliau berkata Colombia akan mengkaji kemungkinan untuk mengeksport pelbagai produk kopi negaranya ke Malaysia di masa depan.

Dr Mejia berkata dengan bantuan Malaysia, Colombia merancang untuk membesarkan ladang kelapa sawitnya daripada 140,000 hektar kepada 200,000 hektar dalam tempoh lima tahun.

Berkaitan dengan krisis ekonomi yang dialami oleh negara-negara Asean sekarang, beliau menyuarakan kekagumannya tentang semangat rakyat Malaysia untuk mengatasi kemelut itu.

Dr Mejia berkata isu menggunakan mata wang Malaysia dan Colombia dalam dagangan dua hala mungkin dibincangkan semasa pertemuannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Berkaitan dengan dagangan dadah Colombia, beliau berkata kerajaan telah berjaya menghapuskan 43,000 hektar ladang coca tahun ini dan terdapat rancangan untuk memusnahkan 70,000 hektar lagi ladang coca.

Sementara itu, Abdullah berkata mereka juga telah membincangkan kemungkinan mengadakan perjanjian mengelakkan cukai berganda untuk memudahkan dagangan dua hala antara kedua-dua negara itu.--BERNAMA

MAM RI